

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT AGUNG KOBENA
DI IKBN PONTIAN, JOHOR
18 OGOS 2001

Pertamanya marilah kita mengucapkan syukur ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah izinNya, dapat kita bertemu di Majlis Perasmian Mesyuarat Agung KOBENA bagi kali Ke 17 dan Majlis Sambutan Ulangtahun Ke 25 Penubuhan KOBENA.

2. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi Eksekutif, Anggota Lembaga dan Pengurusan KOBENA, yang telah menjemput saya hadir bagi merasmikan mesyuarat agung KOBENA dan sambutan ke 25 tahun penubuhan KOBENA.

3. Hadirnya kita semua pada hari ini ialah atas dasar ingin melihat KOBENA dan sektor koperasi amnya, terus berdaya maju dan mencapai kemajuan sebagaimana yang dirancang.

4. Aktiviti pinjaman merupakan aktiviti yang paling berjaya. Sehingga tahun 1995 misalnya, sebanyak RM 4.1 Bilion pinjaman kepada anggota dikeluarkan. Walaupun nilainya masih kecil, iaitu hanya 2.5 peratus daripada jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh Institusi Kewangan di negara ini iaitu RM 162.4 Bilion, namun sumbangan terhadap anggota amatlah besar ertinya, kerana kos bayaran balik hanya pada kadar (purata) 6 peratus setahun. Ini merupakan penjimatan wang oleh anggota-anggota sekitar RM 160 juta setahun.

5. Untuk melihat koperasi kecil dapat berkembang dengan baik, Jabatan Pembangunan Koperasi Malaysia (JPK) telah mengeluarkan bantuan sebanyak RM 2.3 juta kepada 552 buah koperasi sejak lima tahun yang lalu. Sementara bagi koperasi yang lebih besar dan mempunyai projek yang berdaya maju, pihak JPK telah meluluskan pinjaman bernilai RM 81.9 juta kepada 387 buah koperasi sejak 7 tahun yang lalu.

6. Selain daripada itu, kerajaan juga telah mengurangkan kadar cukai pendapatan yang perlu dibayar oleh koperasi, bersetuju menganugerahkan saham-saham terbitan baru, menggalakkan penubuhan konsortium dan menggalakkan kerjasama antara koperasi, dan sistem telekomunikasi yang canggih mengubah corak ekonomi dan cita rasa masyarakat. Semua ini mencabar kewibawaan dunia perdagangan, perniagaan, perbankan, perusahaan dan sebagainya.

7. Keadaan ini juga bermakna gerakan koperasi tidak terkecuali. Pemimpin koperasi perlu peka dan akur dengan cabaran-cabaran semasa ini. Salah satu cabaran yang terpenting dewasa ini ialah relevansi koperasi dalam konteks globalisasi, khususnya persaingan dengan sektor swasta dan kerajaan. Apakah koperasi masih relevan di alaf baru dalam arus dunia tanpa sempadan? Adakah pengurusan koperasi telah bersedia menghadapi era globalisasi? Merupakan antara persoalan dan keadaan yang perlu dihadapi dan ditangani oleh pemimpin koperasi.

8. Bagi menghadapi cabaran-cabaran tersebut, koperasi perlu mempunyai tiga faktor berikut, iaitu Keupayaan, Kerjasama dan Kreativiti. Hanya dengan memiliki ketiga-tiga faktor ini, sesebuah koperasi itu dapat terus bersaing dan berjaya dalam bidang

yang diceburi mereka.

9. Keupayaan sebagai faktor utama merupakan elemen asas yang mencorakkan sesebuah koperasi, sama ada kuat atau lemah. Keupayaan meliputi aspek-aspek seperti kesungguhan, disiplin, berpengetahuan, sanggup berbakti dan berdaya saing. Kerjasama atau "working together" perlu diamalkan oleh koperasi yang ingin terus maju di alaf baru ini. Kerjasama meliputi kesanggupan untuk berusaha sama, bergabung atau membentuk perkongsian pintar (smart partnership). Kerjasama ini bukan sahaja merujuk kepada usaha sama antara koperasi, tetapi juga usaha sama atau gabungan tenaga antara koperasi dengan anggota-anggotanya.

10. Kreativiti iaitu kebolehan merancang dan menggunakan ciptaan atau cara-cara baru bagi meningkatkan mutu barangan dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh koperasi akan membolehkan koperasi tersebut bersaing di pasaran. Koperasi juga perlu cepat bertindak dan membuat keputusan untuk merebut peluang-peluang perniagaan dalam persaingan dengan sektor korporat dan kerajaan. Tanpa kreativiti dan inisiatif ini, sesebuah koperasi tersebut akan ketinggalan dan gagal dalam persaingan.

11. Saya merasa bangga dan mengucapkan tahniah kepada Pengerusi Eksekutif, Anggota Lembaga dan seluruh kakitangan KOBENA di atas kesungguhan, komitmen dan pencapaian yang telah ditunjukkan selama ini. Keupayaan KOBENA menyusun semula dan menyelesaikan hutang terkumpul yang berjumlah melebihi RM 200 juta kepada lebih kurang RM 12 Juta sahaja pada tahun 2000, merupakan satu pencapaian yang membanggakan.

12. KOBENA telah berjaya menambah keanggotaan dari 16,000 orang pada tahun 1992 kepada hampir 50,000 orang pada tahun 2000 dan telah berupaya memberikan dividen sebanyak 5 peratus kepada anggota sejak tahun 1998 hingga ke tahun ini. Selain dari pemberian dividen, KOBENA juga menyediakan pelbagai kemudahan dan kebajikan untuk manfaat anggota-anggota KOBENA. Antaranya ialah menyediakan skim pembelian barangan pengguna dan komputer melalui kemudahan potongan gaji angkasa, memberi peluang kepada anggota untuk berusaha sama dalam sebarang projek dengan KOBENA, menyediakan bantuan biasiswa dan potongan bayaran untuk anak-anak anggota melanjutkan pelajaran di beberapa buah Kolej dan Universiti swasta dan lain-lain lagi.

13. Dari segi pencapaian korporat dan perniagaan pula, saya yakin langkah KOBENA menjalin kerjasama dengan pelbagai pihak amat tepat dan mampu menghasilkan pulangan yang baik. Usahasama KOBENA dengan sebuah syarikat antarabangsa iaitu Rapid Wall dalam segi pembekalan 'pre-fab system' untuk sektor pembinaan, khususnya pembinaan rumah kos rendah adalah satu langkah yang bijak. Ini ditambah dengan penglibatan pihak CIDB yang bertanggungjawab secara langsung berkenaan sektor pembinaan. Saya berharap dengan usahasama ini bukan sahaja akan menjimatkan dari segi kos pembinaan rumah, tetapi juga mampu mempercepatkan lagi proses pembinaan rumah-rumah kos rendah yang dirancangkan tersebut.

14. KOBENA juga memegang sole distributorship bagi barangan berjenama SPIDI untuk rantau Asia Tenggara, dan diiktiraf sebagai salah satu distributor SPIDI yang terbaik di dunia. Pengiktirafan ini patut menjadi kebanggaan anggota KOBENA serta golongan belia secara keseluruhannya. Begitu juga dengan pelaksanaan food chain business yang diusahakan KOBENA dengan KFC Holding Sdn Bhd. Pelaksanaan

projek food chain ini yang mengutamakan penyertaan belia-belia dan anggota KOBENA sendiri patut dicontohi dan perlu diteruskan.

15. Kesungguhan dan komitmen yang telah dihasilkan oleh pengurusan KOBENA perlu mendapat sokongan, kerjasama dan gandingan erat dari seluruh anggota-anggota KOBENA. Saya menyarankan agar anggota KOBENA lebih peka, positif dan memainkan peranan aktif dalam memajukan lagi KOBENA ke arah mencapai segala matlamat yang dirancang.

16. Saya difahamkan selain dari menumpukan kepada aktiviti perniagaan, KOBENA juga berperanan aktif dalam kegiatan pembangunan belia dan generasi muda, seperti menganjurkan kursus, seminar, menyediakan latihan kemahiran, peluang-peluang perniagaan dan sebagainya. Langkah yang diambil oleh KOBENA untuk bergandingan dengan Majlis Belia Malaysia dalam merangka dan melaksanakan program-program pembangunan belia harus di puji dan dicontohi. Begitu juga dengan penglibatan secara langsung Majlis Belia FELDA, yang mana kita semua sedia maklum belia-belia di kawasan FELDA yang terdiri dari majoritinya bangsa Melayu banyak sekali terdedah kepada masalah-masalah sosial, seperti budaya lepak, luma haram dan penagihan dadah. Kerajaan akan terus memberikan sokongan dan bantuan terhadap usaha- usaha KOBENA, Majlis Belia Malaysia dan Majlis Belia FELDA untuk membangunkan Belia dan Generasi Muda di seluruh negara, serta melengkapkan belia-belia tersebut dengan ilmu pengetahuan, latihan kemahiran dan peluang- peluang perniagaan.

17. saya menyeru Badan dan Agensi Kerajaan, serta pihak swasta memberikan kerjasama dan sokongan bagi membolehkan KOBENA dan MBM meneruskan usaha murni ini.

18. Saya juga kagum dengan kesungguhan KOBENA mengurus dan melatih belia-belia di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) di Pontian ini. Walaupun dalam keadaan yang serta kekurangan, KOBENA telah mampu menghasilkan lebih dari 10,000 orang pelatih dari Pusat Latihan Kemahiran ini. Usaha KOBENA ini amat bertepatan dengan aspirasi negara, iaitu menyediakan seramai mungkin tenaga mahir bagi merealisasikan wawasan menjadikan Malaysia negara maju menjelang tahun 2020.

19. Akhirnya, saya dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahi dengan ini merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan KOBENA Bagi Kali Ke-17 dan Sambutan Ulangtahun Ke-25 Penubuhan KOBENA.

Terima Kasih.